

Praktis 3

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

 Frodo Baggins

- 1 Novel ini mengisahkan tentang cabaran yang dihadapi oleh sekumpulan remaja ketika menyertai sebuah pengembaraan.
A mengisahkan cabaran
B mengisah tentang cabaran
C mengisahkan akan cabaran
D mengisahkan tentang cabaran
- 2 Sempena hari Malaysia, semua kasut-kasut di kedai itu diberikan potongan harga sebanyak 20 peratus.
A semua kasut
B sesetengah kasut
C setiap kasut-kasut
D semua kasut-kasut
- 3 Pihak penganjur akan membatalkan penyertaan mana peserta-peserta yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan.
A mana peserta
B peserta mana-mana
C mana-mana peserta
D mana peserta-peserta
- 4 Encik Arsyad membersihkan timbunan sampah-sampah yang sudah lama terbiar di tepi rumahnya.
A timbunan sampah
B sampah bertimbun-timbun
C sampah-sampah menimbun
D timbunan sampah-sampah
- 5 Encik Hairi menyedari bahawa prestasi Qawiy di gelanggang semakin merosot dari minggu ke minggu.
A daripada seminggu ke seminggu
B daripada minggu ke minggu
C dari seminggu ke minggu
D dari minggu ke minggu
- 6 Pada petang itu, Puan Aida menghidangkan goreng pisang untuk kawan-kawan anaknya yang datang ke rumah.
A hidangan pisang goreng
B hidangan goreng pisang
C menghidangkan pisang goreng
D menghidangkan goreng pisang
- 7 Semua penjenayah itu berjaya diberkas oleh pihak polis ketika mereka cuba melarikan diri ke negara jiran.
A Semua penjenayah-penjenayah
B Semua-semua penjenayah
C Seluruh penjenayah
D Semua penjenayah
- 8 Pengerusi majlis menyampaikan kata alu-aluan untuk memulakan majlis pada hari itu.
A kata-kata alu-aluan
B kata aluan-aluan
C kata-kata aluan
D kata alu-aluan
- 9 Faridah perlu mengikuti kelas bahasa Korea selama dua setengah tahun sebelum dia melanjutkan pengajiannya ke negara itu.
A setengah tahun
B dua tahun setengah
C setengah dua tahun
D dua setengah tahun
- 10 Puan Racheal selalu bimbang keselamatan anak-anaknya ketika mereka pulang lewat ke rumah.
A bimbang pada keselamatan
B bimbang oleh keselamatan
C bimbang akan keselamatan
D bimbang keselamatan
- 11 Buah strawberi-buah strawberi yang kami petik besar-besar belaka dan manis rasanya.
A Buah strawberi
B Buah-buah strawberi
C Buah-buahan strawberi
D Buah strawberi-buah strawberi

- 12 Kemudahan awam itu telah sekumpulan remaja nakal rosakkan.
 A dirosakkan oleh sekumpulan remaja nakal
 B merosakkan sekumpulan remaja nakal
 C dirosakkan remaja nakal sekumpulan
 D sekumpulan remaja nakal rosakkan
- 13 Setiap kali cuti semester, Darren akan bekerja secara sambilan untuk memperoleh saku wang sendiri.
 A membolehkan wang saku
 B membolehkan saku wang
 C memperoleh wang saku
 D memperoleh saku wang
- 14 "Tolong jangan menuduh orang lain tanpa usul periksa terlebih dahulu," pesan abang kepada Atikah.
 A Harap menuduh
 B Jangan menuduh
 C Tolong menuduh
 D Tolong jangan menuduh
- 15 Walaupun lorong pejalan kaki sudah disediakan, masih banyak orang yang lebih suka berjalan di tepi jalan raya.
 A lorong perjalanan kaki
 B lorong menjalani kaki
 C lorong berjalan kaki
 D lorong pejalan kaki
- 16 Mereka saling bersalam-salaman sebelum berpisah dengan penghuni di rumah anak-anak yatim itu.
 A saling bersalam
 B saling bersalaman
 C saling besalam-bersalam
 D saling bersalam-salaman
- 17 Koleksi jam-jam tangan itu disimpan oleh Datin Alyah di dalam almari dengan baiknya.
 A Koleksi jam tangan
 B Koleksi-koleksi jam tangan
 C Koleksi jam tangan-jam tangan
 D Koleksi jam-jam tangan
- 18 Jai Sun sangat teruja kerana buat pertama kalinya dia dapat menyaksikan pertandingan sepak bola di stadium.
 A bertanding bola sepak
 B bertanding sepak bola
 C pertandingan bola sepak
 D pertandingan sepak bola
- 19 "Amboi, manisnya senyuman pasangan pengantin baharu ini!" kata Mak Senah mengusik anak buahnya.
 A Eh, manisnya senyuman
 B Oh, manisnya senyuman
 C Aduh, manisnya senyuman
 D Amboi, manisnya senyuman
- 20 Burung berterbang-terbangan pulang ke sarang apabila tiba waktu senja.
 A Burung terbang
 B Burung berterbangan
 C Burung-burung berterbangan
 D Burung berterbang-terbangan
- 21 Automobil Nasional Syarikat masih menerima banyak pesanan kereta Proton X90 daripada para pembeli.
 A Syarikat Nasional Automobil
 B Nasional Automobil Syarikat
 C Syarikat Automobil Nasional
 D Automobil Nasional Syarikat
- 22 Jasmina melaksanakan tugas yang Cikgu Amena suruh dengan segeranya.
 A disuruh oleh Cikgu Amena
 B Cikgu Amena menyuruh
 C suruhan Cikgu Amena
 D Cikgu Amena suruh